


Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JANUARY 2017

# PPBM: GAH ATAU SEKADAR 'BUNGA LAYU'?



**M**ALAM semalam, Stadium Malawati di Shah Alam dibanjiri para pemimpin pembangkang dan ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) bersempena pelancaran parti itu yang disempurnakan oleh Pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sepanjang majlis itu berlangsung, suasana serta ucapan-ucapan yang dibuat oleh kepimpinan PPBM seperti Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Timbalan Presiden, Datuk Seri Mukhriz Mahathir masing-masing dilihat cuba menonjolkan kelebihan PPBM kononnya sebuah parti politik yang mengutamakan kepentingan rakyat termasuklah mengemukakan matlamat mereka untuk menjatuhkan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) dengan bantuan parti sekutu mereka, PAN, PKR dan DAP.

Malah, Dr. Mahathir dalam majlis itu dilihat cuba melakukan taktik psikologi dengan mengungkit kembali kisah silam sewaktu zaman penjajahan yang menyaksikan rakyat khususnya orang Melayu dihimpit dengan penindasan serta kemiskinan dan beliau menyatakan keadaan sedemikian akan berulang sekiranya rakyat terus memberikan sokongan kepada BN.

Benarkah begitu? Benarkah PPBM sebuah parti yang gah dan dasarnya memberi manfaat kepada rakyat khususnya orang Melayu?

Dari sudut logik, ucapan-ucapan yang dilontarkan oleh kepimpinan PPBM itu sebenarnya dilihat tidak lebih hanya sekadar retorik politik yang sering diguna pakai oleh parti-parti pembangkang di negara ini bagi mencetuskan persepsi negatif rakyat terhadap BN selaku parti yang diberikan mandat untuk memerintah negara.

Dalam konteks PPBM, retorik sedemikian sudah tentulah digunakan untuk menunjukkan kepada rakyat mengenai kewujudan mereka selaku sebuah parti baharu dalam pentas politik di negara ini.

Pendek kata, tindakan PPBM itu sama seperti orang yang ingin memperkenalkan sesuatu produk dan untuk memperkenalkannya, memerlukan strategi pemasaran bagi menarik perhatian pengguna walaupun produk tersebut dari segi kandungan serta keberkesanannya amatlah diragui. Modal permulaan mereka cukup mudah, guna dan manipulasikan apa sa-

haja isu termasuklah berkaitan dengan iMalaysia Development Berhad (IMDB), pilihan raya, pelaburan langsung asing (FDI), harga barangan dan sebagainya supaya dapat mencetuskan imej serta persepsi buruk terhadap kerajaan dan Perdana Menteri.

Walhal kesemua yang dibangkitkan oleh PPBM itu telah dijawab secara terbuka dan dijelaskan secara terperinci mengikut saluran yang ada oleh kerajaan dan kepimpinan negara ini.

Hakikatnya, PPBM seolah-olah masih tidak ada hala tuju dan masa depannya sendiri sebagai sebuah parti pembangkang tidak menentu lebih-lebih lagi apabila bergabung dengan DAP, PKR dan PAN yang masing-masing telah lama memiliki kedudukan serta kepentingan dalam blok pembangkang.

Kalau tidak, masakan pula Muhyiddin semasa berucap pada majlis pelancaran PPBM semalam dan sebelum ini berusaha mengingatkan semua parti pembangkang khususnya sekutu mereka supaya bersatu dan lebih serius menyelesaikan isu penggunaan satu logo, pembahagian kerusi, penetapan jawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang sehingga kini difahamkan masih gagal mencapai kata putus.

Malah, tindakan Muhyiddin itu mungkin agak janggal kerana beliau yang menggalangi PPBM dan berada dalam gabungan parti pembangkang lain, sepatutnya tidak perlu membuat peringatan sedemikian secara terbuka memandangkan kesemua perkara itu boleh dibincang dan diputuskan secara kolektif di meja perundingan bersama kepimpinan DAP, PKR dan PAN.

Atau, mungkin kerana kewujudan PPBM itu sendiri sebenarnya tidak dialu-alukan oleh

parti-parti pembangkang lain yang merasakan PPBM akan mengancam dan menjejaskan kedudukan serta kepentingan mereka yang selama ini mendominasi kerusi-kerusi, jawatan tertentu dalam blok pembangkang menyebabkan Muhyiddin membuat penegasan sedemikian. Jika demikian, PPBM seolah-olah hanya bunga layu yang tidak diinginkan oleh sesiapa pun.

Kemungkinan tersebut mungkin ada asasnya apabila timbulnya isu penyebaran surat pekeliling yang didakwa dikeluarkan oleh Setiausaha Agung PKR bertarikh

## PPBM bayangkan tidak akan hapus BRIM

**SHAH ALAM 16 Jan.** - Jika sebelum ini beliau menyatakan Bantuan Rakyat Malaysia (BRIM) dengan rasuah, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini seolah-olah menukar kerryataannya itu apabila membayangkan tidak akan menghapuskan bantuan berkenaan sekiranya pembangkang berjaya menguasai kerajaan.

Ketika berucap dalam majlis pelancaran Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di Stadium Malawati di sini malam ini, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi parti itu menyatakan bantuan berkenaan akan diturunkan dan akan digantikan oleh program-program kerajaan.

"Jika diliputi BRIM mustahab, maka wang ini akan digantikan oleh pegawai kerajaan. BRIM tidak akan dihapuskan dalam manifesto mana-mana parti.

"Jika dipersetujui rakyat, BRIM akan dijadikan bantuan statutori yang diturunkan undang-undang dan bajet biasa," katanya.

Pelancaran parti itu turut dihadiri Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Timbalan Presidennya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Majlis tersebut turut disertai pemimpin pembangkang lain iaitu Presiden PKR, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail; Presiden PAN, Mohamed Sabri; Naib Presiden Pas, Datuk Ismail Kandar; Abdu Samad; Naib Pengerusinya, Teresa Kok dan Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali Bagaimanapun, Pengerusi DAP, Lim Kit Siang tidak hadir pada majlis itu.

Bulan lalu, Dr. Mahathir ketika berucap dalam satu ceramah di Alor Setar, Kedah, menganggu perhatian mengenai BRIM yang bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah untuk memulakan kos sara hidup adalah menyala-hi urang-undang dan agensi. Dalam persembangan lain, Dr. Mahathir turut mengemukakan beberapa 'tawaran istimewa' bagi menarik perhatian rakyat antaranya akan menghapuskan cukai barangan dan perkhidmatan (GST).



**KERATAN akhbar Mingguan Malaysia semalam.**



**MUHYIDDIN YASSIN (kiri), Dr. Mahathir Mohamad dan Mukhriz Mahathir (kanan) bertepuk tangan semasa pelancaran Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di Stadium Malawati, Shah Alam, malam kelmarin. - AP**

13 Januari lalu yang dikatakan menengahkan anggotanya supaya mengaku sebagai ahli PPBM untuk hadir beramai-ramai pada pelancaran parti itu malam semalam.

Walaupun perkara itu dilaporkan dinafikan oleh Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadzli semalam, persoalannya mengapa isu sedemikian teretus pada hari PPBM melancarkan parti mereka? Namun, dalam politik, sebarang kemungkinan boleh berlaku. Mungkin disebabkan sabotaj pihak-pihak tertentu atau mungkin juga disebabkan oleh pihak dalam parti itu sendiri yang tidak mahu PPBM bersama mereka, kita tidak tahu, namun semua faktor perlu diambil kira.

Pelancaran PPBM semalam turut menarik perhatian pelbagai pihak apabila Dr. Mahathir mengemukakan senarai 'tawaran istimewa' sekiranya pakatan pembangkang berjaya membentuk kerajaan antaranya mengamalkan kebebasan bersuara dan media, menghapuskan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) secara beransur-ansur, mengurangkan kemiskinan, menyalurkan bantuan yang mencukupi kepada golongan miskin tegar termasuklah memastikan kerajaan tidak menguasai badan eksekutif dan badan kehakiman selain mempertahankan hak orang Melayu dan bumiputera.

Sebenarnya tiada apa sesuatu perkara baharu di sebalik tawaran yang dibuat Dr. Mahathir itu kerana sebilangan besarnya telah dibangkitkan oleh parti pembangkang lain sebelum ini yang menggunakan isu-isu berkenaan untuk memancing undi tatkala pilihan raya hampir tiba. Apakah PPBM sendiri ketandusan idea atau tidak mempunyai fokus yang jelas melainkan niat untuk menubuhkan kerajaan dan Perdana Menteri semata-mata?

Begitu juga dalam hasrat PPBM mahu memastikan kerajaan tidak menguasai badan eksekutif dan kehakiman. Mungkin Dr. Mahathir sendiri lupa bahawa beliau sendiri pernah terpalit dengan dakwaan mahu menguasai badan kehakiman dalam krisis kehakiman pada tahun 1988 termasuklah dilabelkan sebagai diktator?

Dakwaan itu dinyatakan bekas Hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Azmi Kamaruddin yang dilaporkan sendiri oleh portal berita pro-pembangkang, [malaysiakini.com](http://malaysiakini.com) pada 20 Jun 2008 yang mendedahkan tindakan Dr. Mahathir mahu meminda Artikel 121 dalam Perlembagaan Persekutuan melibatkan peruntukan mengenai pemisahan kuasa antara badan perundangan, badan kehakiman dan kerajaan.